

Nota Berwarna

Lambang dan Makna pada Jata Negara

Bintang pecah 14 melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Malaysia. Lambang bulan sabit dan bintang bermaksud Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.

Lima bilah keris melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Empat jalur warna merujuk Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan.

Dua ekor harimau melambangkan keberanian.

Pokok melaka mewakili negeri Melaka.

Pokok pinang dan jambatan mewakili negeri Pulau Pinang.

Negeri Sarawak dilambangkan dengan jata negeri Sarawak.

Negeri Sabah dilambangkan dengan jata negeri Sabah.

Bunga raya melambangkan bunga kebangsaan negara kita.

Cogan kata "Bersekutu Bertambah Mutu" bermaksud semangat permuafakatan akan mempererat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

